



Wan Suraya dilantik Ketua Audit Negara baharu

Berama
Jun 12, 2023 14:14 MYT



Wan Suraya menggantikan Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid yang tamat kontrak sebagai Ketua Audit Negara pada Februari lepas. -Gambar fail/Sinar Harian

PUTRAJAYA: Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dilantik sebagai Ketua Audit Negara berkuat kuasa esok, umum Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali hari ini.

Mohd Zuki berkata pelantikan itu selaras dengan Perkara 105 (1) Perlembagaan Persekutuan dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

"Pelantikan beliau adalah berdasarkan kepada kepimpinan dan pengalaman luas sepanjang 29 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam," kata Mohd Zuki dalam satu kenyataan.

Popular di Astro AWANI

1. ['Dulu asyik pertikai, bila jadi kerajaan tak tahu buat' - Shahrir](#)
 2. [Lelaki parah terjatuh ketika mandi di air terjun](#)
 3. [Khairy dakwa Ahmad Maslan penyebab ekonomi merudum](#)
 4. [Kelindan maut, pemandu cedera, lori tiga tan rempuh belakang treler](#)
 5. ["Yang best bangun pagi ada orang kemaskan katil" - Janna Nick](#)
 6. [Pendaftaran bantuan RM200 eBelia Rahmah bermula 26 Jun](#)
-

Wan Suraya menggantikan Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid yang tamat kontrak sebagai Ketua Audit Negara pada Februari lepas.

-- BERNAMA